

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
- SOALAN** : Tuan Gooi Hsiao-Leung minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana Kerajaan bercadang untuk menangani masalah jualan dan pemasaran yang dihadapi oleh petani padi iaitu :-
- (a) aduan bahawa pengilang beras enggan membeli padi akibat daripada lambakan beras import di dalam negara; dan
 - (b) sama ada kerajaan akan mengenakan had ke atas potongan peratusan yang dibuat oleh pengilang padi untuk padi yang dijual oleh pesawah padi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- a) Isu lambakan beras import tidak timbul kerana Kerajaan mengawal kuota kemasukan beras import ke dalam Negara. Jumlah beras import yang dibawa masuk adalah bagi memenuhi keperluan pengguna yang tidak dapat ditampung oleh pengeluaran beras tempatan. Semakin tinggi pengeluaran beras tempatan, maka

semakin berkurangan jumlah beras yang perlu diimport oleh BERNAS.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan tiada pengilang beras yang enggan membeli padi, Kementerian telah memutuskan untuk membatalkan lesen mana-mana pengilang padi yang didapati enggan membeli padi daripada petani tanpa alasan yang munasabah. Keputusan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 5 dan 29 di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522]. Oleh yang demikian, mana-mana pengilang padi atau pelesen pembeli padi yang enggan membuat pembelian padi tanpa kebenaran Ketua Pengarah dan jika dilaporkan oleh mana-mana orang dan siasatan mendapati mana-mana pelesen enggan membeli padi, lesen yang dikeluarkan sebelum ini akan dibatalkan. BERNAS pula di bawah Perjanjian Konsesi yang masih berkuat kuasa, bertanggungjawab sebagai Pembeli Padi Terakhir (*Buyer of Last Resort*) untuk membuat pembelian padi daripada petani bagi mengelakkan masalah lambakan padi.

- b) Buat masa sekarang Kementerian tidak berhasrat untuk mengenakan had ke atas peratus potongan yang dibuat oleh pengilang padi yang dijual oleh pesawah. Walau bagaimanapun, kaedah pemutuan tawaran akan digunapakai untuk tempoh 4 musim mulai musim tuaian 1/2014 demi kebaikan semua pihak. Kementerian telah mengambil langkah-langkah berikut bagi memastikan pelaksanaan pemutuan yang adil dan telus. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- i. menguatkuasakan pelaksanaan pemutuan padi sebenar sambil disaksikan oleh tiga (3) pihak iaitu pesawah, wakil Pertubuhan Peladang Kawasan dan BERNAS;
- ii. mengadakan sesi *engagement* dengan golongan pesawah, pembeli padi dan pengilang padi untuk menerangkan konsep pemutuan sebenar padi dan kepentingan amalan pertanian baik; dan
- iii. mengedar dan menampal poster berkaitan pemutuan padi di kilang-kilang BERNAS untuk panduan pesawah.